



### **Semakan Kadar Keuntungan Efektif Minimum (“MPR”)**

Dalam semangat untuk memberi layanan adil dan juga untuk manfaat pelanggan kami, Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dan Hong Leong Islamik Bank Berhad (“HLISB”), telah memutuskan untuk mengurangkan Kadar Keuntungan Efektif Minimum (“MPR”) kepada 1.7% untuk semua pemegang akaun individu. Semakan ini akan berkuat kuasa bermula pada 31 Januari 2020. Semakan yang dibuat hanya melibatkan akaun yang mempunyai MPR asal dengan kadar lebih tinggi daripada kadar yang disemak semula. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang semakan yang dibuat, sila rujuk ringkasan di bawah.

Untuk akaun individu:

<b>MPR semasa, sebelum semakan MPR dibuat berkuatkuasa pada 31 Januari 2020</b>	<b>MPR yang disemak, selepas semakan MPR dibuat berkuatkuasa pada 31 Januari 2020</b>
Jika sekarang, akaun tidak mempunyai MPR.	Akaun untuk kekal tanpa MPR.
Jika sekarang, MPR adalah 0.0%.	MPR bagi akaun yang sedia ada sebanyak 0.0% kekal tidak berubah.
Jika sekarang, MPR akaun adalah lebih rendah daripada 1.7%.  Sebagai contoh: MPR kini 1.0%	MPR bagi akaun sedia ada yang lebih rendah daripada 1.7% kekal tidak berubah.  Dalam contoh ini: MPR 1.0% yang sedia ada kekal tidak berubah.
Jika sekarang, MPR akaun adalah 1.7%.	MPR bagi akaun yang sedia ada sebanyak 1.7% kekal tidak berubah.
Jika sekarang, MPR akaun adalah tinggi daripada 1.7%.  Sebagai contoh: MPR kini 4.0%	MPR akaun akan dikurangkan kepada 1.7% yang akan berkuatkuasa bermula pada 31 Januari 2020.  Dalam contoh ini: MPR akan dikurangkan kepada 1.7%

Semakan di atas (jika berkenaan) untuk MPR hanya terpakai kepada pelanggan Individu sahaja.